



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NIBONG TEBAL FESTIVAL

TARIKH / MASA / TEMPAT

20 JANUARI 2024 (SABTU)
5.40 PETANG

**JALAN PASAR LAMA
NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Nibong Tebal Festival** di Jalan Pasar Lama, Seberang Perai Selatan anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pusat ADUN Jawi dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir untuk merasmikan **Nibong Tebal Festival** ini.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha

Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi Kerajaan; warga kerja MBSP; rakan-rakan media; dan warga Seberang Perai secara amnya dan warga Nibong Tebal secara khususnya; pengunjung-pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.

4. Penganjuran *Nibong Tebal Festival* ini merupakan salah satu usaha MBSP untuk memangkin ekonomi masyarakat tempatan selaras dengan usaha merancakkan pembangunan semula bandar Nibong Tebal. Ianya merupakan acara yang julung kali diadakan di Seberang Perai Selatan. Pesta ini adalah program komuniti berbentuk kesenian, kebudayan dan warisan dengan mengetengahkan konsep “*street art performances*. Pesta ini di adakan selama dua (2) bermula hari ini dari jam 6.00 petang sehingga 11.00 malam.
5. *Nibong Tebal Festival* menyajikan pelbagai pengisian serta persembahan acara tempatan dan antarabangsa secara PERCUMA, yang pastinya menjanjikan kelainan. *Nibong Tebal Festival* meyajikan lebih daripada 30 program pengisian yang terdiri daripada persembahan artis antarabangsa iaitu Yoltic Atzin Lopez dari Mexico dan Alexandra Azzaro dari Italy, persembahan kebudayaan tempatan

seperti tarian singa, wayang kulit, *Penang Dhol Blaster*, *World of Fire*, *hands-on workshop*, permainan tradisional, *Kombi Photo Booth*, *Food Truck Alley* dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik.

6. Penganjuran *Nibong Tebal Festival* mampu menjadi platform untuk menyatupadukan rakyat di atas kecintaan terhadap seni, budaya dan warisan yang melangkaui latar belakang bangsa serta agama. Di samping itu, *Nibong Tebal Festival* juga dilihat berpotensi untuk menjadikan tarikan kepada pelancong-pelancong domestik mahupun antarabangsa.
7. MBSP amat berharap dengan penganjuran *Nibong Tebal Festival* secara tidak langsung akan memangkin *Local Economic Development (LED)* penduduk Seberang Perai Selatan khususnya di samping menjadi tarikan pelancong daripada dalam dan luar negara.
8. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pusat Khidmat ADUN Jawi, agensi-agensi kerajaan dan swasta atas komitmen yang holistik yang menjadi intipati utama dalam penganjuran pesta ini.

9. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai Selatan kerana menyokong semua usaha MBSP selama ini. MBSP amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program yang besar dan gemilang ini, iaitu *Nibong Tebal Festival* yang bersifat *people-centric* sejajar dengan Penang2030 dan Hala Tuju Strategik MBSP. MBSP ingin terus menyuntik semangat untuk perkembangan pembangunan Nibong Tebal, yang mempunyai satu aroma kaya dengan nilai kesenian, kebudayaan dan warisan.
10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memeriahkan *Nibong Tebal Festival* dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandaraya Seberang Perai bagi mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.